



TEKS UCAPAN

**YBRS. DR. MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZIN
KETUA PENGARAH
AGensi NUKLEAR MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 1/2026
DAN
AMANAT KETUA PENGARAH 2026**

21 JANUARI 2026 (RABU)

9.00 PAGI

SALUTASI

Yang Berusaha Ts. Dr. Ishak Mansor

**Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan & Pembangunan
Teknologi**

Yang Berusaha Dr. Nor Pa'iza Mohamad Hasan

Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

Yang Berusaha Ts. Dr. Mohd Rodzi Ali

**Pengarah Kanan Program Pengkomersilan & Perancangan
Teknologi**

Yang Berusaha Dr. Shukri Mohd

Pengarah Kanan Program Pengurusan

Yang Berusaha Dr. Rasif Mohd. Zin

**Pengarah Bahagian Teknologi Industri selaku penganjur
Perhimpunan Bulanan Bil.1/2026**

Yang Berusaha Pengarah-Pengarah, Pengurus-Pengurus, tuan-tuan
dan puan-puan, warga Nuklear Malaysia sekalian.

PENDAHULUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, dengan limpah keizinan-Nya, kita dapat berhimpun dalam Perhimpunan Bulanan Bil.1/2026 anjuran Bahagian Teknologi Industri. Kesudian BTI menjadi pengelola penghimpunan ini dan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menunjukkan kesungguhan dan kesatuan kita dalam menjayakan agenda nuklear negara. Ribuan terima kasih kepada kita semua.

2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas dedikasi dan komitmen seluruh keluarga Nuklear Malaysia dalam menjayakan agenda agensi sepanjang tahun 2025.

3. Berdasarkan laporan prestasi, kita berbangga kerana Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 kekal menunjukkan kadar pencapaian yang cemerlang. Komitmen kita terhadap DTNN 2030 adalah bukti bahawa perancangan jangka panjang kita berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran menjelang 2030.

4. Kita juga telah berjaya melaksanakan peranan sebagai tuan rumah bagi 8th Annual Meeting of ASEAN Nuclear Power Safety Research (NPSR) yang telah berjaya memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pemain utama teknologi nuklear di rantau ASEAN. Begitu juga peranan kita dalam membantu menjayakan agenda Malaysia selaku tuan rumah kepada Kepengerusian ASEAN.

5. Nuklear Malaysia juga telah melahirkan ramai pakar kebangsaan yang diiktiraf oleh IAEA diperingkat antarabangsa.

6. Kita juga telah melihat kejayaan Nuklear Malaysia dengan menjadi IAEA Collaborating Centre (ICC) dalam bidang pemprosesan sinaran, NDT dan pembiakan mutasi.

7. Dari segi R&D, Nuklear Malaysia telah melaksanakan 167 projek R&D dan menghasilkan 41 penerbitan yang berimpak tinggi daripada keseluruhan 567 penerbitan saintifik dan laporan teknikal.

8. Pelbagai lagi kejayaan yang telah dicapai diperingkat nasional dan antarabangsa sepanjang tahun 2025. Kejayaan-kejayaan ini mencerminkan komitmen kita dalam penyelidikan berimpak tinggi serta membuktikan Nuklear Malaysia berada di landasan bagi memacu teknologi nuklear di Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Tahun 2026 adalah lembaran baharu, tetapi tahun ini adalah tempoh kritikal dalam fasa pertengahan pelaksanaan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030. Selari dengan tema perhimpunan bulanan hari ini, "Memacu Prestasi, Menjana Kejayaan," ia menuntut kita untuk bergerak lebih pantas, dengan daya fikir yang tinggi, kritikal, logik serta memastikan setiap inisiatif adalah untuk rakyat.

10. Selaras dengan amanat kepimpinan negara dan perkhidmatan awam, kita harus terus memperkukuh tatakelola, membanteras ketirisan dan sentiasa berorientasikan penyampaian perkhidmatan berpaksikan rakyat. Bagi Nuklear Malaysia, ini bermakna kita mesti memastikan sains, teknologi dan inovasi nuklear diterjemahkan kepada solusi praktikal yang dapat dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat.

11. Kepimpinan negara menggalakan pengguna Artificial Intelligence (AI) dalam kerja seharian dengan harapan penggunaan AI ini dapat menjimatkan masa dan meningkatkan kualiti kerja. Walau bagaimanapun, gunalah AI sebaik mungkin, dengan berpanduan didikan dan disiplin ilmu semasa kita berinovasi.

12. Untuk tahun 2026, peruntukan 2026 telah dikeluarkan. Maka semua pelaksanaan projek sudah dapat dijalankan dengan cepat.

Jangan bertanggung dan segera selesaikan perolehan dalam masa secepat mungkin seperti digariskan oleh MOSTI.

Hadirin Keluarga Nuklear Yang Saya Hormati,

13. Tahun 2026 menuntut kita untuk memacu prestasi dan menjana kejayaan yang lebih besar. Fokus utama kita akan merangkumi:

- o **Pemeriksaan Ekonomi Teknologi Nuklear:** Kita perlu terus menyumbang secara aktif kepada agenda besar kerajaan dengan memanfaatkan kepakaran dan kemahiran kita dalam teknologi nuklear termasuk aspek tenaga nuklear. sebagai sebahagian daripada usaha negara mencapai matlamat pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 disamping meneroka penjanaan elektrik menggunakan tenaga nuklear.

- o **Menghayati Wawasan Nuklear Malaysia 2030** yang melibatkan hasrat kerajaan Rancangan Malaysia ke-13 dalam meneroka potensi penggunaan tenaga nuklear dalam penjanaan elektrik. Teras strategik Wawasan Nuklear Malaysia 2030 merangkumi:

TS1 :Sains dan teknologi untuk meningkatkan daya saing industri

TS2 :Sains dan teknologi nuklear untuk kesejahteraan rakyat dan alam sekitar

TS3 : Perkhidmatan sokongan teknikal yang berkesan dan cekap untuk penyelidikan dan pembangunan serta penyampaian perkhidmatan

TS4 :Tadbir urus Nuklear di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

TS5 : Persekitaran kondusif dan kapasiti penyelidikan dan pembangunan dalam sains teknologi nuklear

Saya ingin menarik perhatian kepada perancangan masa depan di beberapa negeri termasuklah negeri Selangor yang telah menyatakan hasrat untuk meneroka pembinaan loji penjanaan tenaga nuklear. Sekiranya inisiatif ini diterjemahkan kepada realiti, Nuklear Malaysia mesti bersedia untuk menjadi agensi teknikal kepada pihak berkepentingan dengan teknologi nuklear.

- o Mencipta Produk Berimpak Tinggi 'Made by Malaysia': Kita akan mempergiat aktiviti Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan, dan Inovasi (RDCI) untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan berasaskan teknologi nuklear yang boleh dikomersialkan dan memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Baru-baru ini, MOSTI melancarkan Laporan Foresight STI 2025-2040 dan Indeks Inovasi Malaysia (MII) 2025 sebagai asas strategik dalam memacu ekonomi bernilai tinggi yang berteras bakat dan inovasi. Antara bidang kemahiran utama adalah :

1. Kecerdasan Buatan (AI) dan teknologi data
2. Keselamatan Digital dan Pertahanan Siber
3. Kelestarian dan Alam Sekitar

- o Mengukuh Kualiti Penyampaian Perkhidmatan. Kita akan memastikan peruntukan mengurus dan pembangunan digunakan secara bijak dan berkesan. Selaras dengan saranan YBhg. Tan Sri

Ketua Setiausaha Negara (KSN), saya menyeru warga Nuklear Malaysia harus sentiasa meningkatkan mutu kerja, komitmen, dan dedikasi selaras dengan pelaksanaan SSPA.

Keluarga Nuklear Malaysia yang saya hormati sekalian,

14. Kerajaan pada masa ini sedang giat melaksanakan agenda transformasi yang menekankan aspek tadbir urus yang baik, kecekapan penyampaian perkhidmatan, pendigitalan, integriti serta pembangunan modal insan berkemahiran tinggi. Agenda transformasi ini menuntut perubahan minda, budaya kerja dan cara kita menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dan negara.

15. Sebagai sebuah agensi penyelidikan berteraskan sains, teknologi dan inovasi, Agensi Nuklear Malaysia tidak boleh ketinggalan dalam mendukung aspirasi transformasi ini. Kita perlu memastikan setiap dasar, program dan inisiatif yang dilaksanakan adalah sejajar dengan keutamaan kerajaan, khususnya dalam memperkukuh ekosistem penyelidikan dan pembangunan (R&D), mempercepatkan pemindahan teknologi serta meningkatkan impak hasil penyelidikan kepada industri dan masyarakat.

16. Transformasi juga menuntut kita untuk bekerja dengan lebih cekap, telus dan berintegriti. Setiap keluarga Nuklear Malaysia perlu memainkan peranan, sama ada di peringkat pengurusan mahupun pelaksana untuk memastikan amalan kerja berprestasi tinggi menjadi budaya organisasi. Kita perlu berani melakukan penambahbaikan,

meninggalkan amalan lama yang tidak lagi relevan dan menerima pendekatan baharu yang lebih berkesan.

17. Selain itu, kerajaan turut memberi penekanan kepada transformasi digital. Sehubungan itu, saya menyeru agar keluarga Nuklear Malaysia memanfaatkan teknologi digital dalam pengurusan, penyelidikan dan penyampaian perkhidmatan. Pendigitalan bukan sahaja meningkatkan kecekapan, malah membolehkan kita bertindak lebih pantas dan tepat dalam memenuhi keperluan pemegang taruh.

18. Modal insan adalah aset terpenting organisasi. Transformasi yang berjaya hanya akan berlaku sekiranya kita mempunyai warga kerja yang berilmu, berkemahiran, berdisiplin dan beretika. Justeru, saya menggalakkan semua keluarga Nuklear Malaysia untuk terus meningkatkan kompetensi diri, sama ada melalui latihan, pembelajaran berterusan atau penglibatan aktif dalam aktiviti inovasi dan penyelidikan.

Tuan-Tuan, Puan-Puan, Keluarga Nuklear Malaysia Sekalian,

19. Harapan saya, tahun 2026 akan menjadi tahun di mana kita berjaya memaksimumkan manfaat teknologi nuklear untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat. Kita mesti pastikan kerja yang dilaksanakan membawa Nuklear Malaysia ke tahap prestasi yang lebih tinggi.

20. Marilah kita terus berganding bahu dan bekerjasama dalam melaksanakan amanah ini dan meraih pelbagai kejayaan dan pencapaian terbaik lagi pada masa akan datang.

21. Saya juga menyeru supaya kita bersama-sama menghayati dan menjayakan agenda transformasi yang digariskan oleh kerajaan. Saya yakin dengan komitmen, kerjasama dan semangat berpasukan, Agensi Nuklear Malaysia akan terus kekal relevan, berdaya saing dan memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan negara.

22. Sekali lagi, saya menyeru agar setiap warga agensi menjadikan tahun ini sebagai titik tolak untuk:

- Memperkasa diri dengan ilmu dan kemahiran baharu.
- Memupuk budaya kerja berintegriti, inovatif, dan kolaboratif.
- Menyumbang secara bermakna kepada masyarakat dan negara.

23. Transformasi ini termasuk juga penerapan nilai-nilai murni contohnya sentiasa bersyukur, berlapang dada dengan kejayaan orang lain, saling hormat-menghormati, bekerja dalam budaya dan persekitaran positif, berbudi bahasa, berintegriti, inovatif dan kolaboratif. Untuk itu, Nilai Sepunya agensi kita iaitu N(novelty).U(ubiquitous).C(committed).L(leadership).E(emphthy).A(attitude).R(respect) mesti sentiasa berada dalam kalbu dan sanubari kita semua.

24. Disamping itu, hapuskan perasaan negatif seperti hasad dengki dan iri hati sesama sendiri. Dengan adanya sifat-sifat dan nilai-nilai murni dan positif, Insha-Allah, ini dapat mewujudkan kerja berpasukan yang lebih baik, harmoni dan efektif. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi yang lebih baik bukan hanya untuk diri sendiri tetapi untuk organisasi secara keseluruhan.

24. Saya difahamkan Bahagian Teknologi Industri dengan kerjasama BSM, Kelab Nuklear Malaysia dan AKRAB akan menganjurkan ceramah bertajuk '2026 : TAHUN TRANSFORMASI DIRI & MASYARAKAT'. Ceramah ini akan diberikan oleh pegawai Psikologi MOSTI En. Syakirin yang diadakan selepas perhimpunan pagi ini.

25. Saya mohon Keluarga Nuklear Malaysia luangkan masa untuk hadir dan dengar ceramah ini. Saya percaya, banyak manfaatnya kepada kita InshaAllah.

25. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya dan Barisan Pengurusan Tertinggi Nuklear Malaysia ingin mengambil peluang untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2026.

26. Marilah kita melangkah ke tahun 2026 dengan azam baru diri kita, agensi kita, masyarakat dan negara kita tercinta.

Sekian, Wabillahhiltaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.